



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**CIRI-CIRI KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN EMPAT : SATU KAJIAN DI
WILAYAH PERSEKUTUAN
LABUAN**

SITI NURASHIKIN BINTI ABU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30.04.2005

SITI NURASHIKIN BINTI ABU
2003-01343



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi iii

KELULUSAN PENYELIA

Kertas projek yang bertajuk “Ciri-ciri Keusahawanan di Kalangan Pelajar Tingkatan 4: Satu Kajian di Wilayah Persekutuan Labuan” oleh SITI NURASHIKIN BINTI ABU merupakan sebahagian daripada syarat untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Perniagaan) di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

Diluluskan oleh:



Puan Norsamsinar bt Samsudin
Fakulti Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Penyelia/Pemeriksa)

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tarikh:



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DEDIKASI

Buat Keluargaku Tersayang,

*Babah,
Abu Bakar Hj. Tinggal*

*Mummy,
Jamayah Matusop*

*Dan,
Along, Achik, Abang, A'an*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

*Tidak Lupa,
Arel*

*Anda semua yang menjadi kekuatan Angah.
Terima kasih atas doa, pengorbanan, kasih-sayang, dan
segalanya....*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



“DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG”

PENGHARGAAN

Alhamdulillah...

Syukur ke hadrat Allah atas keizinanNya maka saya telah dapat menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Sesungguhnya bukan mudah, untuk saya menghasilkan kajian dan meneruskan pengajian di sini namun segala rintangan dan cabaran menjadi pendorong semangat untuk berusaha lebih gigih. Atas kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada individu yang terlibat.

Pertama sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Norsamsinar bt Samsudin selaku penyelia saya yang telah memberi tunjuk ajar dan kerjasama sepanjang penghasilan kertas projek ini.

Terima kasih juga buat Encik Osman bin Jusoh atas keprihatinan memberi bimbingan, motivasi dan bantuan yang banyak memberi kekuatan untuk saya meneruskan pengajian dan juga kepada semua pensyarah yang telah sudi menyalurkan ilmu, kemahiran dan pengalaman sepanjang pengajian saya di UPSI.

Jutaan terima kasih untuk guru-guru, dan rakan-rakan yang turut membantu menyumbangkan idea. Teristimewa buat sahabat yang sentiasa bersama semasa suka dan duka Masnih dan Hanisah. Tidak lupa teman-teman serumah Liza, Zu, Yan, Fizah, Selvi dan Komalam.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat samaada secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini.

Hanya Allah yang memberi ganjaran atas jasa baik anda semua.

Tiada kata secantik bahasa,
Sekalung penghargaan buat semua.

Siti Nurashikin bt Abu
Pusat Pengajian Siswazah
UPSI
April 2005





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kewujudan ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji samaada wujud perbezaan ciri-ciri keusahawanan berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, bangsa, jurusan, pekerjaan ibubapa/penjaga dan cita-cita. 250 sampel pelajar tingkatan 4 dipilih dari empat buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan. Terdapat empat pembolehubah ciri-ciri keusahawanan yang digunakan dalam kajian iaitu kreativiti dan inovasi, keyakinan kendiri, lokus kawalan dalaman dan kesanggupan menerima risiko. Untuk menjawab persoalan kajian, dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan statistik inferens digunakan. Analisis statistik deskriptif mengkaji ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar. Hasil dari analisis statistik deskriptif mendapati ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar adalah sederhana tinggi. Ciri-ciri keusahawanan yang paling menonjol adalah kesanggupan menerima risiko. Analisis inferens pula mengkaji ciri-ciri keusahawanan berdasarkan faktor demografi. Tiada perbezaan ciri-ciri keusahawanan bagi pembolehubah demografi berdasarkan bangsa, pekerjaan ibubapa/penjaga dan cita-cita. Namun, kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan jantina. Didapati pelajar lelaki mempunyai min keusahawanan yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Manakala bagi pembolehubah jurusan, wujud dua perbezaan yang signifikan bagi ciri-ciri kreativiti dan inovasi iaitu antara pelajar aliran sains dan perdagangan; dan perdagangan dan vokasional.





ABSTRACT

This research aims to explore the level of entrepreneurial characteristics amongst secondary school students. Besides that, this study also aims to determine whether there is any difference between the entrepreneurial characteristics based on gender, races, field of studies, parents' occupations and students' ambitions. A total of 250 form 4 students were chosen from four secondary schools in the Federal Territory of Labuan. Four entrepreneurial characteristics in terms of creativity and innovation, self confidence, internal locus of control and risk taking were assessed. The descriptive and inferential statistics analysis was used to analyze all the research questions. Descriptive statistic analysis indicates entrepreneurial characteristics among students were at the moderate high level. The most prominent in encouraging the entrepreneurial characteristics were risk taking. Inference analysis used to determine differences in the entrepreneurial characteristics based on demographics' factors. There is no significant difference in the entrepreneurial characteristics among races, parents' occupations and students' ambitions. The research finding showed the differences in the entrepreneurial characteristics based on gender. The highest mean was scored by the male students compare to the female students. The difference in field of studies was found to be significant in creativity and innovation characteristics between students from sciences' class and commerce's class; and commerce's class and vocational's class.



KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
KELULUSAN PENYELIA	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x

BAB I PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang	
1.2.1 Bidang keusahawanan	4
1.2.2 Pendidikan keusahawanan	6
1.2.3 Tempat kajian	12
1.3 Pernyataan masalah	15
1.4 Objektif kajian	18
1.5 Hipotesis kajian	19
1.6 Kepentingan kajian	20
1.7 Batasan kajian	21
1.8 Definisi istilah	
1.8.1 Usahawan	21
1.8.2 Kreativiti dan inovasi	22
1.8.3 Keyakinan kendiri	22
1.8.4 Lokus kawalan dalaman	22
1.8.5 Kesañggupan menerima risiko	22

**BAB II SOROTAN KAJIAN LEPAS**

2.1	Pengenalan	23
2.2	Konsep usahawan dan keusahawanan	24
2.3	Keusahawanan mengikut perspektif Islam	31
2.4	Kepentingan bidang keusahawanan	32
2.5	Kepentingan pendidikan keusahawanan	34
2.6	Ciri-ciri keusahawanan	40
2.6.1	Kreativiti dan inovasi	44
2.6.2	Keyakinan kendiri	46
2.6.3	Lokus kawalan dalaman	47
2.6.4	Kesanggupan menerima risiko	48
2.7	Faktor-faktor demografi usahawan	50
2.7.1	Latarbelakang pekerjaan ibubapa	51
2.7.2	Jantina	52
2.7.3	Bangsa/keturunan	53
2.7.4	Jurusan	55
2.7.5	Cita-cita	56
2.8	Rumusan	57

**BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	58
3.2	Rekabentuk kajian	59
3.3	Kerangka model kajian	60
3.4	Tempat kajian	61
3.5	Populasi kajian	62
3.6	Sampel kajian	62
3.7	Instrumen kajian	63
3.8	Kajian rintis	64
3.9	Kebolehpercayaan kajian	65
3.10	Prosedur kajian	66
3.11	Penganalisisan data	67



**BAB IV DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	69
4.2	Profil responden	
4.2.1	Bilangan responden mengikut jantina	70
4.2.2	Bilangan responden mengikut bangsa	71
4.2.3	Bilangan responden mengikut jurusan	72
4.2.4	Bilangan responden mengikut pekerjaan ayah	73
4.2.5	Bilangan responden mengikut pekerjaan ibu	74
4.2.6	Bilangan responden mengikut cita-cita	75
4.3	Analisis tahap kewujudan ciri-ciri keusahawanan	76
4.3.1	Analisis ciri-ciri keusahawanan bagi setiap item kreatif dan inovatif	76
4.3.2	Analisis ciri-ciri keusahawanan bagi setiap item keyakinan kendiri	77
4.3.3	Analisis ciri-ciri keusahawanan bagi setiap item lokus kawalan dalaman	77
4.3.4	Analisis ciri-ciri keusahawanan bagi setiap item kesanggupan menerima risiko	78
4.3.5	Analisis ciri-ciri keusahawanan	79
4.4	Analisis perbezaan ciri-ciri keusahawanan berdasarkan faktor demografi	80
4.4.1	Analisis Ho1	81
4.4.2	Analisis Ho2	82
4.4.3	Analisis Ho3	83
4.4.4	Analisis Ho4	84
4.4.5	Analisis Ho5	84
4.4.6	Analisis Ho6	87
4.4.7	Analisis Ho7	88
4.4.8	Analisis Ho8	89
4.4.9	Analisis Ho9	89
4.4.10	Analisis Ho10	90





4.4.11	Analisis Ho11	91
4.4.12	Analisis Ho12	92
4.5	Rumusan	93

BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	95
5.2	Perbincangan dapatan kajian	96
5.2.1	Tahap kewujudan ciri-ciri keusahawanan	97
5.2.2	Perbezaan ciri-ciri keusahawanan berdasarkan faktor demografi	102
5.3	Kesimpulan	107
5.4	Cadangan	109
5.5	Cadangan kajian akan datang	111
5.6	Penutup	112

RUJUKAN

113

LAMPIRAN

- A Borang soal selidik
- B Surat permohonan menjalankan kajian
- C Surat kebenaran EPRD





SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
1.1 Komponen mata pelajaran yang terdapat penyisipan nilai-nilai keusahawanan	8
1.2 Bilangan sekolah dan kelas di sekolah menengah kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan	12
1.3 Senarai sekolah menengah dan jumlah pelajar di Wilayah Persekutuan Labuan	13
2.1 Contoh ciri, sikap dan gelagat	29
3.1 Ciri-ciri keusahawanan dan nombor soalan	64
3.2 Nilai alpha bagi setiap pembolehubah	66
3.3 Skor pemeringkatan dan tahap kewujudan bagi setiap item ciri-ciri keusahawanan	67
3.4 Alat pengujian setiap hipotesis	68
4.1 Taburan responden mengikut jantina	70
4.2 Taburan responden mengikut bangsa	71
4.3 Taburan responden mengikut jurusan	72
4.4 Taburan responden mengikut pekerjaan ayah	73
4.5 Taburan responden mengikut pekerjaan ibu	74
4.6 Taburan responden mengikut cita-cita	75
4.7 Min bagi item kreatif dan inovatif	76
4.8 Min bagi item keyakinan kendiri	77
4.9 Min bagi item lokus kawalan dalaman	78
4.10 Min bagi item kesanggupan terima risiko	79
4.11 Min bagi ciri-ciri keusahawanan	80



**Jadual****muka surat**

4.12	Ujian t setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan jantina	81
4.13	Ujian t bagi ciri-ciri usahawan berdasarkan jantina	82
4.14	Analisis varian sehala bagi setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan bangsa	83
4.15	Analisis varian sehala ciri-ciri keusahawanan berdasarkan bangsa	84
4.16	Analisis varian sehala setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan jurusan	85
4.17	Ujian <i>post hoc tukey</i> bagi kreativiti dan inovasi berdasarkan jurusan	86
4.18	Nilai min bagi kreativiti dan inovasi berdasarkan jurusan	87
4.19	Analisis varian sehala perbezaan ciri-ciri keusahawanan berdasarkan jurusan	87
4.20	Analisis varian sehala perbezaan bagi setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan pekerjaan ayah	88
4.21	Analisis varian sehala perbezaan ciri-ciri keusahawanan berdasarkan pekerjaan ayah	89
4.22	Analisis varian sehala perbezaan bagi setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan pekerjaan ibu	90
4.23	Analisis varian sehala perbezaan bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan pekerjaan ibu	91
4.24	Ujian t bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan cita-cita	92
4.25	Ujian t bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan cita-cita	92
4.26	Rumusan tahap kewujudan ciri-ciri keusahawanan	98
4.27	Rumusan perbezaan ciri-ciri keusahawanan berdasarkan faktor demografi	103





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbXpsi

SENARAI RAJAH

Rajah

muka surat

2.1	Keperluan-keperluan utama yang meransang seseorang untuk menceburi bidang keusahawanan	27
3.1	Kerangka model kajian	61



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Isu-isu keusahawanan semakin berkembang selepas pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975). Hasrat kerajaan dalam Rangka Jangka Panjang Kerajaan iaitu ke arah mewujudkan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdaya maju telah memperkembangkan aktiviti keusahawanan di kalangan Bumiputera. Dalam kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), menyatakan langkah-langkah pembangunan perindustrian yang dilakukan oleh kerajaan termasuklah mengukuhkan pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan memupuk rantai yang kukuh dengan industri berskala besar. Manakala dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), pelbagai usaha dilakukan bagi memperkuatkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang meliputi pelbagai keperluan PKS. Antara



program yang dijalankan ialah Program Rantaian Industri (ILP), Pembangunan dan Perolehan Teknologi, Pembangunan dan Peningkatan Kemahiran, Pembangunan Pasaran, Pembangunan Infrastruktur dan sokongan kewangan. Selain itu, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) kerajaan turut berhasrat menubuhkan sebuah bank iaitu Bank Pembangunan IKS yang akan menjadi pemangkin kepada kelancaran projek IKS (Berita Harian, 1 Februari 2005). Ini menunjukkan betapa kerajaan ingin menggalakkan rakyat untuk menceburi bidang keusahawanan yang membantu menjana ekonomi negara.

Perkembangan yang berlaku dalam dunia perniagaan memerlukan pembentukan masyarakat yang mampu berdaya saing selaras dengan arus pembangunan ekonomi. Pembangunan keusahawanan yang merupakan salah satu objektif Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang bertujuan melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) menggalakkan masyarakat menceburi perniagaan dan perusahaan. Pembangunan keusahawanan melibatkan perubahan nilai, etika dan nilai-nilai keusahawanan seperti ciri ingin mencuba, mencipta, mengambil risiko dan menghadapi cabaran (Suraidi, Ab Rahim, Zakaria dan Suhaida, 2004).

Walaupun terdapat pelbagai usaha untuk membangunkan MPPB, kebanyakan usaha ditumpukan di luar lingkungan persekolahan. Ini jelas apabila agensi-agensi seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), Perbadanan Usahawan Bumiputera (PUNB), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan lain-lain lagi lebih banyak mengendalikan program-program pembangunan

usahawan untuk golongan lepasan sekolah. Keadaan ini tidak menyumbang kepada pembangunan keusahawanan di kalangan pelajar (Muhammad, 1994) .

Pelbagai program disediakan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) bersama agensi-agensi lain semata-mata untuk tujuan mewujudkan seberapa ramai bilangan usahawan Bumiputera tulen, berdaya tahan, berdaya maju serta berdaya saing. Hasilnya, KPU dalam tempoh 2001 hingga 2003 telah berjaya melahirkan sejumlah 29 000 usahawan berjaya (Usahawan, September-Oktoper 2003).

Oleh itu, bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam bidang keusahawanan usaha perlu bermula dari peringkat sekolah kerana pendedahan yang awal kepada pelajar mendorong menarik minat mereka ke arah keusahawanan. Terdapat pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak apabila menyedari kepentingan penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar. Ini kerana dengan pendidikan awal tentang keusahawanan memberi pendedahan kepada pelajar dan secara tidak langsung mereka mempunyai pengetahuan yang berguna sebelum menceburi dunia perniagaan.



1.2 Latarbelakang

1.2.1 Bidang Keusahawanan

Tanggapan masyarakat umum, perniagaan sama maksudnya dengan keusahawanan. Sebenarnya, perniagaan dan keusahawanan mempunyai perbezaan. Keusahawanan adalah satu bidang ekonomi yang mempunyai keindahan, kemegahan dan kemuliaan yang tersendiri. Peluang untuk sesiapa juga maju melaluinya tidak terhad. Namun begitu, tidak bererti semua orang boleh maju dengan cemerlang.

Menurut Yep (1989), usaha dalam keusahawanan melibatkan perniagaan dan hampir semua kegiatan perniagaan mempunyai maksud dan ciri-ciri yang serupa dengan keusahawanan. Seorang usahawan tidak menjadikan keuntungan diri sebagai matlamat utama perniagaan. Sebaliknya, lebih mengutamakan kemajuan yang berpanjangan, sumbangan kepada masyarakat dan bangsa serta menunaikan kewajipannya kepada para pengurus. Daya usaha serta kepintarannya bukan ditumpukan kepada matlamat mendapatkan keuntungan yang besar dan cepat semata-mata untuk dirinya sahaja, tetapi juga untuk memperluaskan lagi sumbangan serta kemajuan yang diberi kepada masyarakat. Menurut Yep juga, peranan keusahawanan adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna, mewujudkan peluang pekerjaan, dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.





Mempelajari pendidikan dalam bidang keusahawanan bukan sahaja untuk mengetahui komponen-komponen penting seperti pemasaran, perakaunan, pengurusan dan pengeluaran, tetapi juga untuk menggunakan atau melaksanakannya sebagai kerjaya. Bidang-bidang lain seperti hiburan, teknologi, komunikasi, pembinaan, kesihatan memerlukan usahawan yang betul-betul mempunyai semangat untuk memajukannya (Zaidatol Akmaliah dan Habibah, 1997).

Disebabkan itu, jika kita lihat sekarang di mana-mana negara memberi perhatian serius terhadap perancangan dan pelaksanaan program pembangunan usahawan. Para pelajar di setiap peringkat pengajian diberi pendedahan tentang kepentingan keusahawanan melalui proses kesedaran, galakan, ilmu dan latihan dalam bidang keusahawanan (Khaairuddin, 2003).



Sebenarnya, bidang keusahawanan mendatangkan lebih kepuasan untuk semua kerana selain boleh mencipta kekayaan sendiri, ia secara tidak langsung membantu menjana ekonomi negara. Peluang pekerjaan yang semakin terbatas di samping persaingan pekerjaan yang semakin mencabar memaksa individu perlu memilih alternatif lain untuk meneruskan hidup. Pada masa ini, budaya belajar untuk makan gaji semata-mata sudah tidak boleh diamalkan lagi.





1.2.2 Pendidikan Keusahawanan

Definisi yang diberikan oleh MEDEC (1992), dalam Nor Aishah (2002), pendidikan keusahawanan adalah menyeluruh dan meliputi orientasi pendidikan perniagaan dan gabungan orientasi kerjaya usahawan yang mana ia bukan hanya menyediakan kemahiran yang diperlukan dalam menguruskan perniagaan tetapi juga menggalakkan penubuhan usaha niaga baru.

Perkembangan pendidikan keusahawanan sebenarnya bermula pada tahun 1975 apabila Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) ditubuhkan di Institut Teknologi Mara. Pada tahun 1988 pula, keusahawanan telah dijadikan mata pelajaran wajib yang perlu diambil oleh pelajar di Institut Teknologi Mara. Selepas itu, perkembangan yang pesat dalam pembangunan keusahawanan mula mendapat perhatian apabila didapati pendidikan keusahawanan mampu melahirkan usahawan yang berjaya (Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia, 1997).

Kementerian Pendidikan pula telah membuka peluang luas kepada golongan pelajar untuk membabitkan diri dalam bidang keusahawanan sejak di peringkat sekolah dengan memperkenalkan matapelajaran yang boleh membimbing mereka ke arah itu seperti Kemahiran Hidup, Rekacipta, Perakaunan dan Perdagangan (Berita Harian, 6 Oktober 1999). Pada tahun 1991, pendidikan perdagangan dan keusahawanan telah dijadikan komponen teras dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Ia telah diajar kepada semua pelajar





tingkatan satu hingga tiga sebagai pendedahan awal tentang keusahawanan kepada pelajar. Berdasarkan komponen perdagangan dan keusahawanan, pelajar-pelajar disediakan dengan pengetahuan serta amalan perniagaan dan keusahawanan yang melibatkan pengurusan dan etika perniagaan, dokumen perniagaan, menyimpan rekod, pengeluaran, konsumerisme, pemasaran dan simpan kira (Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Semakan), 2002).

Menurut Nor Aishah (2002), pendidikan keusahawanan di peringkat sekolah menengah hanya dimuatkan ke dalam kurikulum pendidikan teknik dan vokasional samaada secara nyata atau tidak nyata. Kurikulum pendidikan teknik dan vokasional merupakan satu kumpulan mata pelajaran elektif di sekolah-sekolah menengah. Ini termasuklah Ekonomi Asas, Perdagangan, Prinsip Akaun, Kemahiran Hidup Bersepadu, Reka Cipta dan Kejuruteraan. Menurutnya lagi, pada peringkat pengajian tinggi komponen keusahawanan yang dipelajari ialah kemahiran pengurusan perniagaan.

Menurut Muhammad (1994), penerapan nilai keusahawanan tidak hanya terhad kepada matapelajaran yang berkaitan dengan pendidikan perniagaan, tetapi meliputi semua matapelajaran. Penerapan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran ini dapat dilakukan sekiranya nilai-nilai tersebut dapat disepadukan dalam semua matapelajaran merentasi kurikulum. Tujuan penekanan nilai-nilai keusahawanan dalam kurikulum kebangsaan ialah untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Jadual 1.1 di bawah



merupakan komponen-komponen matapelajaran di sekolah yang menyisipkan penerapan nilai-nilai keusahawanan kepada pelajar.

Jadual 1.1

Komponen Mata Pelajaran yang Terdapat Penyisipan Nilai-nilai Keusahawanan

Mata Pelajaran	Peringkat	Catatan	Umur (tahun)
Kemahiran Hidup	Sekolah rendah	pendedahan	10-12
Kemahiran Hidup Bersepadu	Tingkatan 1-3	wajib	13-15
Perdagangan	Tingkatan 4-5	elektif	16-17
Prinsip Akaun	Tingkatan 4-5	elektif	16-17
Ekonomi Asas	Tingkatan 4-5	elektif	16-17
Ekonomi Rumah Tangga	Tingkatan 4-5	elektif	16-17
Perakaunan/Pengurusan Perniagaan Ekonomi	Sekolah Menengah Vokasional Tingkatan 6	Wajib ke atas pelajar aliran perdagangan terbuka	16-17
Perakaunan	Tingkatan 6	terbuka	18-19

(Sumber: Muhammad, 1994)

Menurut Zaidatol Akmaliah dan Habibah (1990), pendidikan keusahawanan yang kurikulumnya digubal dengan betul akan melahirkan usahawan yang boleh mengawal kehidupannya dan dunia di sekelilingnya. Menurutnya lagi, pendidikan perdagangan dan keusahawanan sepatutnya memberikan maklumat dan kebolehan mengenai nilai perseorangan dan



kewarganegaraan kepada individu dan juga memberikan pendidikan vokasional yang lengkap untuk mengenalpasti kerjaya dalam masyarakat moden ini.

Pendidikan di peringkat sekolah mampu untuk menarik minat dan menanam nilai diri pelajar ke arah bakat dan kemahiran yang dimiliki. Disebabkan itu, sistem pendidikan yang sesuai mampu menyemai ciri-ciri diri pelajar untuk mencorak masa depan mereka. Galakan menceburi keusahawanan perlu selari dengan pendidikan yang diterapkan di peringkat sekolah. Saranan supaya sistem pendidikan kebangsaan perlu disusun semula dengan mengambil kira kesan globalisasi dan ekonomi berdasarkan pengetahuan (k-ekonomi) serta teknologi maklumat (Berita Harian, 3 Ogos 2001).



Menurut Dr Ali Boerhannoeddin (Usahawan, September-Oktoper, 2003),

pensyarah Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik, Universiti Malaya, pendidikan awal merupakan salah satu penyebab wujudnya halangan Bumiputera menceburkan diri dalam dunia perniagaan. Pendedahan yang kurang menjurus kepada dunia perniagaan mengakibatkan para pelajar Bumiputera lebih berminat kepada bidang lain. Menurutnya lagi, ramai graduan Bumiputera lulusan perakaunan dan perniagaan yang memperolehi kelulusan yang cemerlang tidak menjurus kepada dunia perniagaan. Menjadi seorang usahawan bukanlah pilihan utama mereka selepas berjaya menamatkan pengajian. Menurutnya lagi, ianya bukan salah sistem pendidikan namun, perlaksanaan ke atas program yang boleh menaikkan semangat keusahawanan tidak dilakukan secara berterusan oleh pihak





yang bertanggungjawab melahirkan minat para pelajar menceburi bidang perniagaan setelah menamatkan pengajian kelak.

Alias Hj Muda, Pegawai Latihan dan Bimbingan Usahawan, Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) menjelaskan, cara supaya hasrat DEB membangunkan ekonomi orang Melayu tercapai adalah dengan memulakan pendidikan lebih awal yang berteraskan konsep-konsep di peringkat persekolahan. Budaya keusahawanan perlu disemai dari bangku sekolah lagi dengan melibatkan pelajar aktif dalam koperasi dan persatuan-persatuan ekonomi atau kelab usahawan muda (Usahawan, Setember-Okttober, 2003).



Menurut Chek (2002), dalam usaha membudayakan keusahawanan melalui kurikulum sekolah, pelbagai program telah dibentuk melalui kegiatan kokurikulum di sekolah. Antara yang berjaya adalah Program Keusahawanan Remaja dan Koperasi Sekolah. Kementerian Pendidikan telah menyelaras Program Keusahawanan Remaja bersama dengan beberapa agensi kerajaan dan swasta yang dikenali sebagai penaja. Program ini dikategorikan kepada empat kumpulan mengikut penajaan masing-masing. Antaranya ialah:

1. Program Usahawan Muda (PUM) ditaja oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.
2. Pengusaha Muda Malaysia ditaja oleh American-Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM).
3. Pengusaha Muda ESSO ditaja oleh ESSO.





4. Program Tunas Bistari ditaja oleh Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPJ), dan Perbadanan Negeri Johor (Kementerian Pembangunan Usahawan).

Wujudnya pelbagai program pendidikan keusahawanan diharap mampu untuk melahirkan golongan yang berkeinginan menceburi kerjaya keusahawanan. Di samping mampu untuk menerap minat di kalangan golongan muda ia mampu memberi ilmu pengetahuan yang berguna untuk menerokai dunia keusahawanan.





1.2.3 Tempat Kajian

Wilayah Persekutuan Labuan merupakan sebuah pulau yang mempunyai keindahan semulajadi yang masih terpelihara. Dengan kepadatan penduduk seramai 76,067 orang Pulau Labuan masih mampu untuk berkembang. Industri pelancongan merupakan satu aktiviti yang dapat menggerakkan ekonomi Labuan memandangkan nilai-nilai keindahan alam semulajadi boleh menjadi tarikan utama.

Kajian ini hanya melibatkan pelajar sekolah menengah yang sedang menuntut di tingkatan empat di Wilayah Persekutuan Labuan. Kajian akan meninjau potensi diri pelajar dalam bidang keusahawanan. Jadual 1.2 menunjukkan bilangan sekolah dan kelas yang terdapat di Labuan;



Jadual 1.2

Bilangan Sekolah dan Kelas di Sekolah Menengah Kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan (seperti pada 30 Jun 2003)

Sekolah	Bilangan Sekolah	Bilangan Kelas
Biasa	7	165
Asrama Penuh	1	20
Teknik	1	22
	9	207

(Sumber: Perangkaan Pendidikan Malaysia, 2004)





Terdapat 9 buah sekolah menengah di Labuan dan kajian hanya akan melibatkan empat buah sekolah sahaja iaitu sekolah yang mempunyai bilangan pelajar paling ramai. Manakala Jadual 1.3 adalah maklumat senarai sekolah menengah dan jumlah pelajar yang sedang menuntut di tingkatan 1 hingga 6.

Jadual 1.3

Senarai Sekolah Menengah dan Jumlah Pelajar di Wilayah Persekutuan Labuan

Sekolah	Jumlah Pelajar
1. SMK Labuan	1328
2. SMK Mutiara	1013
3. SMK Pantai	846
4. SMK Lajau	478
5. SMK Sungai Bedaun	465
6. SM Sains Labuan	431
7. SM Teknik Labuan	428
8. SMB St. Anthony	375
9. SMB St. Anne	317

(Sumber: Statistik Sekolah di W.P Labuan, 2005)

Kegiatan keusahawanan di Wilayah Persekutuan Labuan agak lambat berkembang walaupun status Wilayah persekutuan telah diberikan sejak 21 tahun lalu (1 Februari 1984). Tambahan lagi pemberian status Pusat Kewangan Pesisir Pantai (IOFC) pada Oktober 1990 yang bertujuan untuk memperluaskan sistem kewangan tempatan, memperkuuhkan Malaysia sebagai sebuah pusat pelaburan dan mempercepatkan pembangunan ekonomi Labuan. Peluang yang terbuka luas





untuk memperkembangkan perniagaan kurang mendapat sambutan. Sebagai sebuah pulau bebas cukai Labuan sepatutnya mampu melahirkan ramai usahawan yang membantu menggerakkan ekonominya (Berita Harian, 16 Mac 2005).

Permasalahan ini menyebabkan Pengurus Perbadanan Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman menggesa peniaga kecil-kecilan yang sedia ada di Labuan perlu serius untuk mengubah Labuan sebagai sebuah syurga beli-belah (Berita Harian, 16 Mac 2005). Minat dalam bidang keusahawanan di Labuan perlu diterapkan dalam jiwa anak-anak tempatan Labuan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Di sini peranan pemupukan melalui pendidikan dan budaya mampu menjadi pemangkin kesedaran di kalangan rakyat tempatan. Disebabkan itu pengkaji, memilih lokasi Pulau Labuan sebagai tempat kajian dijalankan.





1.3 Pernyataan Masalah

Sungguhpun seseorang itu mempunyai minat dan kewangan yang mencukupi untuk berniaga, jika tidak mempunyai pengetahuan dan sikap yang positif terhadap keusahawanan maka belum pasti dia menjadi usahawan berjaya. Pengetahuan tentang ilmu keusahawanan perlu diketengahkan menerusi kurikulum bagi melahirkan lebih ramai usahawan di Malaysia. Kurikulum keusahawanan yang ada sekarang mungkin menumpukan kepada teori dan aspek penubuhan sesuatu perniagaan namun tidak kepada menerap minat dan ciri-ciri pelajar menjadi seorang usahawan. Satu kelainan boleh dibuat di antara program-program yang boleh meransang dan mengembangkan potensi dan minat keusahawanan di kalangan pelajar.



Pendidikan keusahawanan perlu diberi pendedahan pada peringkat awal seperti di sekolah bagi memupuk minat dan menerapkan ciri-ciri keusahawanan. Pada masa ini, di peringkat menengah bawah, pelajar didedahkan tentang perdagangan dan keusahawanan dalam matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di mana aspek asas tentang keusahawanan diperkenalkan. Pada peringkat menengah atas pula, pelajar yang berminat boleh memilih matapelajaran Perdagangan, Ekonomi, Perakaunan atau Pengurusan Perniagaan. Manakala pada peringkat pengajian tinggi, pelbagai pengajian keusahawanan ditawarkan dan diajar secara lebih mendalam lagi. Selain itu, di sesetengah institusi pengajian tinggi pelajar turut diberi pendedahan dunia perniagaan apabila menjalani latihan praktikal di agensi swasta, kerajaan atau syarikat.





Persoalan mengenai pendidikan keusahawanan di kalangan guru-guru yang merupakan agen perubahan masyarakat menjadi semakin penting kini. Guru seharusnya didedahkan dengan pengalaman bermiaga melalui program-program khas untuk meningkatkan keupayaan berperanan menerapkan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar (Muhammad, 1994).

Para pelajar masih tidak diberi pendedahan kepada dunia perniagaan yang sebenar walaupun pelaksanaan pendidikan keusahawanan di peringkat sekolah semakin ditekankan. Kurikulum perdagangan dan keusahawanan di sekolah masih lagi bersifat testikal dan ini membantu perkembangan bakat keusahawanan di kalangan pelajar. Ilmu yang terbatas dalam perniagaan boleh membantutkan perkembangan usahawan itu sendiri dan mengurangkan kemampuan bergerak seiring dengan perubahan ekonomi yang pesat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Mazibah Md Zin (Usahawan, September-Oktoper, 2003), seorang motivator, seseorang yang hendak menjadi usahawan mesti memiliki kekuatan diri seperti berdaya tahan, yakin, dengan segala tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat serta tidak takut menghadapi segala risiko yang bakal diterima di samping memiliki daya saing dari segi produk, kualiti dan pemasaran. Menurutnya lagi, usahawan adalah insan luar biasa yang memiliki kebolehan dari segi kecekapan mengenalpasti dan merebut peluang.





Individu perlu melatih diri dan mempelajari kemahiran-kemahiran untuk menjadikan diri mereka sebagai individu yang mempunyai ciri-ciri usahawan (Zaidatol Akmaliah dan Habibah, 1997). Seorang usahawan tidak kenal erti jemu dalam menimba lebih pengetahuan dan tidak hanya duduk diam menunggu peluang tiba di hadapan mata. Persediaan dari segi mental dan fizikal di samping kekuatan emosi menjadi pegangan yang penting bagi usahawan yang berjaya.

Untuk menjadi usahawan, kita perlu memulakan dan menjalankan perniagaan sendiri. Memilih untuk menjadi usahawan juga bermakna kita bersedia untuk menghadapi dua kemungkinan samaada gagal atau berjaya. Walaubagaimanapun, sebagai usahawan, istilah kegagalan dalam setiap usaha yang dijalankan perlu dijauhi (Khaairuddin, 2003). Usahawan yang mempunyai pakej yang cukup akan memberi lebih keyakinan untuk bersaing dalam dunia perniagaan yang begitu mencabar.

Hasrat melahirkan lebih ramai usahawan dinyatakan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak semasa menjadi Menteri Pendidikan Malaysia. Beliau berkata;

“....selain itu, kerajaan menyediakan pelbagai insentif kepada generasi muda, tidak kira samaada semasa persekolahan atau selepas tamat persekolahan. Melalui cara itu kerajaan berharap ekonomi negara akan berkembang pesat, sekaligus melahirkan lebih ramai usahawan muda dan peniaga dari kalangan generasi baru”.

(Berita Harian, 6 Oktober 1992)





Skop bidang keusahawanan tidak terbatas untuk individu yang berminat dalam perniagaan dan pengurusan sahaja. Ini kerana keusahawanan sesuai untuk semua jenis bidang tidak kira seorang doktor, jurutera, guru, dan sebagainya. Apa yang penting, individu berminat dan berkeinginan untuk menjalankan perniagaan berdasarkan bakat dan kemahiran yang ada pada dirinya. Selain itu, individu perlu bersedia dan memiliki ciri-ciri usahawan yang sesuai untuk memasuki alam perniagaan yang serba mencabar. Disebabkan itu, pengkaji merasakan kajian tentang keusahawanan perlu dilakukan bagi mengupas dengan lebih lanjut tentang tahap kewujudan ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar.

1.4 Objektif Kajian



Secara umumnya, objektif kajian adalah untuk mengenalpasti tahap kewujudan ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar.

Objektif khusus kajian ini pula adalah;

- a. Untuk mengetahui ciri-ciri keusahawanan yang paling menonjol di kalangan pelajar.
- b. Untuk mengkaji ciri-ciri keusahawanan yang wujud pada pelajar berdasarkan faktor demografi.



1.5 Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis dibentuk supaya kajian yang dijalankan menjadi lebih berkesan dan mencapai matlamatnya. Berikut adalah beberapa hipotesis kajian yang dibentuk dalam kajian ini:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan jantina.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan jantina.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan bangsa.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan bangsa.
- Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan jurusan.
- Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan jurusan.
- Ho7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan pekerjaan ayah.
- Ho8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan pekerjaan ayah.
- Ho9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan pekerjaan ibu.



Ho10: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan pekerjaan ibu.

Ho11: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi setiap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan cita-cita.

Ho12: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan cita-cita.

1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidik berharap agar kajian ini dapat:

- a. Mengenalpasti tahap kewujudan ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar.
- b. Mengenalpasti faktor demografi yang menyumbang ke arah pembentukan usahawan.
- c. Memberi sumbangan kepada guru-guru dan pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan untuk mempertingkatkan usaha membangunkan pembelajaran keusahawanan.
- d. Memberi maklumat kepada bakal penyelidik dalam bidang pendidikan untuk menjalankan kajian yang selanjutnya.





1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada beberapa perkara akibat dari beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan.

- a. Hanya empat ciri-ciri keusahawanan yang dikaji iaitu;
 - Kreativiti dan inovasi
 - Keyakinan kendiri
 - Lokus kawalan dalaman
 - Kesanggupan menerima risiko
- b. Mengkaji pelajar tingkatan empat di empat buah sekolah menengah sahaja di Wilayah Persekutuan Labuan.



1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Usahawan

Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), mendefinisikan usahawan sebagai individu atau kumpulan individu yang berterusan menujuhkan atau menerajui perniagaan sendiri serta mengembangkannya demi kemakmuran masyarakat.

Istilah ‘usahawan’ merupakan orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan, atau dikenali sebagai pengusaha. Manakala ‘keusahawanan’ adalah segala-gala yang berkaitan dengan usahawan atau kegiatan dan kemahiran usahawan (Kamus Dewan, 2002).





Dalam Bahasa Inggeris, usahawan ialah *entrepreneur*. Perkataan ini dipinjam daripada perkataan Perancis ‘*entreprendre*’ yang bermaksud memikul (tugas) atau mencuba. Perkataan *entrepreneur* mula digunakan oleh Richard Cantillon kira-kira dalam tahun 1755.

1.8.1 Kreativiti dan inovasi

Kreatif membawa maksud berupaya menghasilkan sesuatu yang baru dan mempunyai nilai. Inovasi ialah proses untuk memperbaiki mutu sesuatu barang yang sedia ada kepada yang lebih baik, lebih menarik dan menepati kehendak serta citarasa terkini.



1.8.2 Keyakinan kendiri

Bermaksud percaya boleh mencapai apa yang dihajatkan tetapi bukan dengan cara yang pasif atau agresif, tetapi menggunakan cara yang tegas.

1.8.3 Lokus kawalan dalaman

Bermaksud kawalan seseorang dalam kehidupannya dengan mempercayai kemampuannya menentukan hasil daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku.

1.8.4 Kesanggupan menerima risiko

Beerti satu tindakan yang diambil oleh seseorang individu yang belum pasti memberikan hasil atau pulangan seperti yang diharapkan.

